



KEPENTINGAN DIRI DAN PENGORBANAN DALAM PEMBENTUKAN BANGSA: SATU SOROTAN PSIKOLOGI DAN PEMIKIRAN ISTANA MELAYU

Mohd Akbal Abdullah

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batupahat, Johor
akbal@uthm.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan menjelaskan perihal tingkahlaku Raja-raja Melayu yang dikatakan mementingkan diri berbanding mengorbankan diri demi kepentingan rakyat. Banyak peristiwa di dalam manuskrip Melayu yang memaparkan gambaran pertentangan antara mencapai kepentingan diri dengan pengorbanan yang telah dilakukan oleh golongan pemerintah. Bagi tujuan tersebut, kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah teks atau historiografi terhadap naskhah Sulalat al-Salatin sebuah naskhah ketatanegaraan Melayu yang bercirikan sejarah. Naskhah tersebut dijadikan rujukan utama bagi menyelami alam psikologi dan pemikiran pengarangnya sewaktu menyusun rentetan kemunculan Raja-raja Melayu di Melaka yang kemudiannya menjadi asas kepada kewujudan dan pengekalan institusi dan perajaan Melayu hari ini. Kajian mendapati kekuatan tradisi perajaan Melayu, alam psikologi dan pemikiran pembesar Melayu, dan kecelaruan generasi berikutnya, menyebabkan penerimaan dan penghayatan kepada peranan serta kewujudan institusi raja semakin samar. Akhirnya, kajian ini boleh menjadi inspirasi kepada penyelidik lain untuk memahami kedudukan institusi dan perajaan Melayu pada hari ini.

1. PENGENALAN

Dalam hubungan antara raja dengan rakyat, umumnya beranggapan rakyatlah yang paling dituntut atau terpaksa melakukan pengorbanan. Di sebalik telahan tersebut, amat jarang kedengaran dan sukar kepada rakyat mencari siapakah raja yang berkesanggupan melakukan pengorbanan terhadap rakyat. Kebetulan pula kitab ini diilhamkan dan dihasilkan di istana, maka banyak kisah di dalam kitab agung ini dinilai sebagai menuntut rakyat untuk melakukan pengorbanan. Keadaan begini digambarkan lagi dengan kefahaman rakyat atau pembaca yang selalu dimomokkan dengan slogan kata “pantang Melayu derhaka”, taat setia tidak berbelah bahagi dan sebagainya. Tanpa mengetahui latar belakang sejarah dan pemikiran budaya Melayu, kebanyakan tafsiran umum pembaca selalunya menyalahkan raja dan istana. Kajian menggunakan beberapa naskhah Sulalat al Salatin terutama versi A. Samad Ahmad dan Shellabear.

2. ANTARA KEPENTINGAN DIRI DAN PENGORBANAN

Kertas kerja ini tidak bermaksud untuk menghurai semua peristiwa di dalam *Sulalat al-Salatin* bagi mencari dan memberi nilai akibat pertentangan antara kepentingan diri dan

pergorbanan. Tulisan ini juga tidak berhasrat meletakkan pengadilan moral, walaupun dibenarkan, atau menjatuhkan hukuman bersalah dan benar kepada peristiwa dan tokoh. Sebenarnya tulisan ini lebih bertujuan melihat dengan jelas dan meletakkan kebenaran di atas segala peristiwa yang dibicarakan menurut tujuan asal penulisan kitab ini. Di dalam kitab agung Melayu ini, terdapat beberapa peristiwa tragis dan sadis yang pernah berlaku dalam sejarah Melaka dan Johor. Namun kertas kerja ini hanya menumpukan kepada peristiwa perceraian Sultan Muzaffar Syah dengan Tun Kudu.

Secara umumnya, pengertian dan konsep kepentingan diri dilihat secara negatif. Mereka yang selalunya dikaitkan dengan amalan dan sikap begini ialah golongan yang mempunyai kelebihan seperti harta kekayaan, pengaruh yang luas, kuasa dan penguasa. Secara individu, sikap menjaga kepentingan diri lebih kepada mempertahankan diri dengan memastikan keadaan diri selamat, selesa dan tidak menghadapi sebarang ancaman. Selagi sikap mementingkan diri berada di dalam lingkungan menjaga hak dan keselamatan diri tanpa mengambil kepentingan orang lain, ia masih dibenarkan. Namun masalahnya ialah sikap masyarakat yang cenderung melihat mempertahankan diri oleh golongan berkuasa sebagai menjaga kepentingan diri dan bukan suatu yang positif. Fahaman sosialis menetapkan bahawa manusia yang berkuasa lebih cenderung melakukan penindasan terhadap masyarakat bawahan. Fahaman begini menyebabkan semua tingkahlaku dan interaksi antara mereka dilihat dalam konteks berat sebelah. Demikian juga dalam penelitian naskhah *Sulalat al Salatin* yang menampakan sudut pandangan yang dipengaruhi oleh sosiolisme. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini bukan untuk menggaitkan pemikiran dan pengorbanan yang dikisahkan dan kitab agung Melayu dipengaruhi fahaman sosiolis.

2.1 Penaskhahan dan Tujuan Penulisan

Di bahagian awal naskhah *Sulalat al Salatin*, terdapat dua perkara penting yang menjadi asas penulisannya. Penulisan naskhah ini bermula dari titah yang dibuat

“bahwa Beta minta perbuatkan hikayat pada Bendahara, peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faedah ia daripadanya.”

“Maka fakir namai hikayat itu Sulalat al Salatin, yakni peraturan segala raja-raja. ... inilah mutiara segala cetera dan cahaya segala peri umpamaan. Maka barangsiapa membaca dia jangan dibicarakan dengan sempurna bicara; kerana hikayat ini tahu kamu akan perkataan sabda, ... yakni bicarakan olehmu pada segala kebesaran Allah dan jangan kamu fikirkan pada zat Allah.”

Dua petikan di atas bukanlah satu perkara yang baharu kepada sesiapa jua yang menelaah kitab karya agung Melayu ini. Kedua-dua perkara tersebut adalah perkara asas yang diminta oleh pengarang supaya difahami oleh mereka yang hendak membaca kitabnya. Perkara asas yang disebut oleh pengarang ialah bermula kerja penulisan kitab ini adalah dari titah Raja Johor sekitar 1612/3 M supaya ditulis sebuah hikayat yang memaparkan segala peristiwa raja-raja Melayu dan keagungannya. Apa yang hendak diberitahu oleh pengarang ialah peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya. Daripada penulisan kitab ini, pengarang/penyusun berhasrat sangat supaya pembaca yang

membaca kitab tulisannya ini mencapai maksud “diketahui”, “diingatkan” dan “beroleh faedah.” Pengarang yang tentunya terlalu rapat hubungannya dengan istana Johor dan urusan raja pada waktu itu amat memahami maksud titah dan hasrat raja hingga menamakan kitab ini dengan judul *Sulalat al-Salatin* atau *peraturan segala raja-raja*.

Perkara kedua yang pengarang ingatkan kepada pembaca kitab ini supaya jangan dibaca dengan “sesempurna bicara”. Pengarang/penyusunnya menyarankan supaya kitab *Sulalat al Salatin* “dibaca dengan kebesaran Allah dan jangan fikirkan zat Allah”. Pengarang jelas mahukan pembaca menerima sahaja segala apa yang sudah berlaku kepada tokoh dan zaman Raja-raja Melayu sebagai takdir dan tanda kebesaran Allah. Segala-gala peristiwa yang dikisahkan di dalam kitab Melayu itu bukanlah sesuatu yang sia-sia. Tidak ada langsung yang tidak berguna. Maknanya sesiapa sahaja boleh menjadi Sultan Melaka atau Pembesar atau peristiwa tersebut boleh berulang tanpa perlu memakai nama tokoh, keletakan dan waktu. Tokoh seperti Sultan Mahmud, Tun Perak, Hang Kasturi, Tun Mutahir dan lain-lain penting bukan kerana namanya tetapi peranannya yang banyak memberi faedah dan pengajaran kepada anak cucu kita. Tidak perlu ada penjelasan yang menyalahkan dan menjatuhkan hukuman minda kepada peristiwa dan tokoh. Perkara yang perlu ialah pemahaman terhadap permulaan proses membina sebuah bangsa dan perkembangan jatuh bangunnya. Dari perkembangan sejarah bangsa Melayu tersebut banyak pengajaran yang diambil bagi memahami pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mewarisi segala peraturan dan kebesaran sejak dan dari mana ia telah bermula dahulu.

Dunia perajaan Melayu dalam *Sulalat al Salatin* adalah dunia aneh kepada kebanyakan Orang Melayu. Meskipun raja-raja Melayu merupakan asas pembentukan alam Melayu dan menjadi tunjang kepada bangsa Melayu, namun tidak semua kehidupan rakyat mempunyai hubungan dengan istana. Hubungan rakyat bawahan dengan raja dibina oleh lapisan pembesar yang amat dekat dengan raja-raja Melayu. Dari merekalah rakyat menerima gambaran kehidupan di istana, tingkahlaku, keagungan dan kesempurnaan raja-raja diketahuinya. Kedudukan berjurang inilah yang digunakan oleh pengarang/penyusun mengisi ruang minda rakyat dengan menyalurkan maklumat dari dalam istana kepada khalayak.

3. PERCERAIAN SULTAN MUZAFFAR DENGAN TUN KUDU

Mengenai kisah perceraian ini, pengarang meletakkannya di dalam bab 13 (Shellabear). Perceraian ini berlaku setelah penyandang jawatan Bendahara Melaka, Tun Ali, diminta Sultan Muzaffar Syah untuk melepaskan jawatannya bagi memberikan laluan kepada Tun Perak menjadi Bendahara Melaka. Tun Ali bersetuju berundur dengan syarat dapat berkahwin dengan Tun Kudu, kakak Tun Perak, juga isteri Sultan Muzaffar Syah. Sultan Muzaffar Syah mengambil keputusan menceraikan Tun Kudu dan mengahwinkannya dengan Tun Ali. Hasil persetujuan tersebut, Tun Perak dilantik sebagai Bendahara Melaka, Tun Ali dapat berkahwin dengan Tun Kudu dan Sultan Muzaffar dapat menguasai dan memperolehi dua tokoh utama dan berpengaruh di Melaka pada waktu itu.

Peristiwa perceraian Sultan Muzaffar Syah dengan Tun Kudu adalah sebuah peristiwa yang amat menghiris kalbu kaum wanita dan mereka yang menyayangi kebahagiaan sesebuah rumah tangga. Akibat dari perceraian tersebut, pelbagai tuduhan

dilemparkan kepada Sultan Melaka yang dianggap sebagai ikon lelaki yang gemar menjadikan wanita sebagai barang mainan dan memuaskan nafsu seks sahaja. Dalam peristiwa tersebut, Sultan Muzaffar, Tun Ali dan Tun Perak dianggap mementingkan diri berbanding pengorbanan yang dituntut dan sepatutnya mereka lakukan. Sultan dinilai terlalu mementingkan kerajaannya tanpa memahami harga diri dan nurani seorang wanita yang setia diri dan hati lebih kepada seorang suami, juga seorang Sultan. Tun Ali yang berjaya memperisteri Tun Kudu pula dianggap seorang tua yang tidak sedar diri, gagal muhasabah diri dan cenderung mengambil kesempatan dari suasana kelim kabut politik Melaka. Tun Perak juga disamakan dengan Tun Ali yang sanggup melihat rumah tangga kakaknya sendiri runtuh bagi membolehkannya menjadi Bendahara Melaka. Akhirnya Tun Kudu seorang wanita zaman feudal Melaka menjadi contoh dan bahan bukti sebuah pengorbanan dan sebagai mangsa percaturan politik kepentingan diri mereka bertiga - lelaki.

Anggapan sedemikian bukanlah tiada asasnya. Penulisan *Sulalat al Salatin* sendiri seolah-olah membuka ruang pemikiran pembaca supaya melihat persaingan politik Melaka sedemikian rupa. Tidak kurang juga, pemahaman negatif tersebut muncul kerana cara membaca kitab *Sulalat al Salatin* dengan memisah-misahkan dan mencabut episode tersebut bersendirian sehingga asas penulisan, latar belakang sejarah penulisannya tidak lagi menjadi pengikat fakta, tafsiran dan pengetahuan. Pengarang/penyusun ketika menulis peristiwa tersebut menyatakan dengan fakta, seperti wujudnya tokoh-tokoh Melaka, latar belakang peristiwa dan kesan dari peristiwa itu. Pengarang mengikat fakta-fakta tersebut dengan mengemukakan pandangannya sendiri sebagai tafsiran. Ikatan dan aduan fakta dengan tafsiran pengarang di dalam penulisan *Sulalat al Salatin* agak memadai untuk pembaca memahaminya sebagai cetera. Walau bagaimanapun, pengarang masih meninggalkan banyak ruang kepada pembaca kitab untuk memikirkannya semula. Di sinilah maksud penulisan kitab dinyatakan sekali lagi supaya “diketahui” (fakta), “diingat” (proses minda), dan “beroleh faedah” (pengajaran).

Perebutan kuasa, permainan politik dalam istana dan barisan para pembesar mewarnai alam pemikiran pensejarahan *Sulalat al Salatin*. Dalam percaturan tersebut sudah tentu ada yang dikorbankan dan kebanyakannya golongan yang lemah. Namun demikian adakah ini maksud penulisan kitab ini dengan membenarkan sebahagian pihak dan menyalahkan pihak yang lain? Di manakah terletaknya perbuatan mementingkan diri dan kesanggupan melakukan pengorbanan yang boleh diketahui untuk diingat dan diambil pelajaran darinya? Bagaimanakah kita menggungkap nilai kepentingan dan pengorbanan itu?

Kes perceraian Tun Kudu, perkahwinan Tun Ali dan perlantikan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka adalah peristiwa yang berentetan. Ketiga-tiga peristiwa ini tidak boleh ditelaah berasingan. Sekiranya dibaca sedemikian, akan ada penilaian yang memihak dan kecaman dibuat membabi buta. Empat tokoh terbabit telah melakukan sesuatu yang luar biasa dan janggal. Menjadikan syarat isteri orang sebagai pampasan amat kurang ajar, lebih-lebih lagi wanita tersebut permaisuri raja dan ratu negeri. Suami menceraikan isteri dan dikahwinkan pula dengan orang lain, jelas dayus. Meminta supaya pembesar meletakkan jawatan jarang berlaku, umpama kacang lupakan kulit. Oleh sebab itu adakah pandangan-pandangan sedemikian boleh dibenarkan?

Sultan Muzaffar Syah menceraikan Tun Kudu bagi memenuhi syarat perletakan jawatan Bendahara oleh penyandanganya Tun Ali. Ada dua persoalan di sini. Pertama

mengapa Tun Ali diminta melepaskan jawatannya bagi membolehkan Tun Perak dilantik? Keduanya mengapa Tun Kudu yang diminta oleh Tun Ali bukannya dayang, anak pembesar dan lain-lain?

Sultan Muzaffar Syah menaiki takhta melalui satu peristiwa berdarah yang menyebabkan mangkatnya Raja Abu Syahid, adik baginda berlainan ibu, dan matinya Raja Rekan pemangku raja Melaka dari keturunan Melayu. Sultan Muzaffar pula anak Sultan Muhammad Syah dari perkahwinan baginda dengan Tun Wati, adik Tun Ali, anak Mani Purindam yang lari dari India. Peristiwa ini adalah perebutan kuasa antara keturunan Melayu dan India yang mempunyai ikatan perkahwinan dengan Sultan Muhammad Syah, raja Melaka. Kedua-dua puak ini berjaya menempatkan diri mereka sebagai entiti utama politik feudal Melaka. Walaupun ibu Sultan Muzaffar Syah, Tun Wati itu berdarah Tamil Muslim, namun jiwa dan pemikiran baginda lebih kepada Melayu. Bendahara Melaka sebelum Tun Ali ialah Seri Wak Raja seorang Melayu yang mempunyai tiga orang anak terdiri Tun Kudu, Tun Perak dan Tun Perpatih Putih. Hubungan Sultan Muzaffar Syah dengan Seri Wak Raja adalah menantu dan mertua. Kematian Seri Wak Raja menyebabkan Tun Ali dilantik sebagai Bendahara Melaka. Hubungan baginda dengan Tun Ali pula pada pangkat bapa saudara/anak saudara. Pertalian raja dan Bendahara dalam konteks anak beranak ini adalah asas utama kekuatan hubungan raja Melaka dengan pembesar.

Pentadbiran Melaka memerlukan pentadbir atau Bendahara yang cergas dan bijak bagi menampung “kerugian” dari peristiwa rampasan kuasa dan kacau bilau etnik pada awal pemerintah Sultan Muzaffar Syah. Memecat Tun Ali dari jawatan Bendahara bukanlah satu tindakan yang bijak. Sebaliknya ia satu penghinaan besar kepada keluarga dan puak Tamil Muslim. Walau bagaimanapun, Tun Ali perlu melepaskan jawatannya. Mengekalkan Tun Ali yang sudah tua menjadi Bendahara menyebabkan pentadbiran dan pembangunan negeri Melaka bergerak perlahan. Oleh sebab menjaga air muka Tun Ali dan institusi Bendahara, Sultan meminta Tun Ali melepaskan jawatan dengan baik

Permintaan Sultan Muzaffar Syah supaya Tun Ali meletakkan jawatan Bendahara menyebabkan penyokongnya membantah. Bantahan penyokong, lebih tepat dikenali sebagai Orang Tun Ali menyebabkan berlaku pertikaian dan pergaduhan antara penyokong Tun Ali dengan anak buah Tun Perak. Reaksi pengikut Tun Ali memang difahami kerana mereka merasa terpuak dengan penyisihan Tun Ali yang dianggap sebagai ketua puak Tamil Muslim dalam politik Melaka. Sultan Muzaffar Syah melihat perkelahian dua tokoh besar ini merugikan negeri Melaka.

Tun Ali pula bukannya calang orang. Dia bapa saudara kepada baginda. Jawatan yang dipegang itu adalah jawatan tertinggi di bawah raja. Dari segi peranan dan nilai jawatan Bendahara pula boleh difahami dalam adat Melayu, “sekiranya raja tiada, Bendaharalah jadi raja”. Oleh sebab itu meminta Tun Ali melepaskan jawatan Bendahara memerlukan suatu pampasan besar dari sudut adat pembesar dan raja. Di Melaka waktu itu, selain Raja, apakah yang lebih utama dan mempunyai nilai intergriti feudal? Sudah pastinya ratu negeri. Perhatikan kedudukan dan *status quo* ini, permintaan Tun Ali untuk mengahwini Tun Kudu adalah satu pampasan yang setara dengan jawatan Bendahara. Tun Ali tidak akan meminta pampasan yang lebih kecil kerana status Bendahara itu tidak membenarkan beliau meminta yang lebih rendah dari itu.

4. PEMIKIRAN DAN PENULISAN PENGARANG

Persetujuan Sultan Muzaffar Syah menceraikan Tun Kudu dan kemudian mengahwinkannya dengan situa Tun Ali benar-benar satu pengorbanan besar. Segalanya dilakukan demi keharmonian dan pembentukan bangsa di Melaka. Persoalan sultan menyayangi takhtanya melebihi isterinya tidak timbul di sini. Sultan bertindak bagi memastikan negeri Melaka aman. Ratu boleh dicari ganti, tetapi keamanan, kemakmuran dan negeri tiada galang gantinya. Pengarang karya agung ini dikesan mengalami gangguan emosi apabila sama ada sengaja ataupun sebaliknya tidak menyatakan secara terus terang penganti Tun Kudu sebagai Ratu Melaka. Pengarang seakan-akan tidak mahu sesiapa jua pun dianggap sebagai ratu Melaka selepas Tun Kudu. Walaupun Sultan Muzaffar boleh mencari ganti, namun siapa jua pengantinya tidak dihiraukan pengarang, berbanding dengan kemakmuran dan keamanan Melaka yang telah dikecapi dari tindakan dan pengorbanan semua pihak di Melaka waktu itu. Tun Kudu terlalu istimewa kepada setiap hati bangsa Melayu. Walaupun dirinya milik Tun Ali, namun hatinya tetap kepada Sultan Melaka.

Bagaimanakah pengarang menamatkan penulisannya mengenai konflik kepentingan dan pengorbanan dari peristiwa penceraian ini? Tun Ali dikahwinkan dengan Tun Kudu dan beroleh tiga orang anak, iaitu Tun Senaja yang menjadi isteri Sultan Allauddin Riayat Syah 1 (Marhum Pagoh), Tun Mutahir menjadi Bendahara semasa Sultan Mahmud Syah memerintah Melaka, dan Tun Tahir, menjawat Temenggung Melaka. Ke semua anak Tun Kudu menjadi pembesar Melaka dan terus menyumbang amal jariah untuk kelangsungan Melayu dan tentu sekali juga agama Islam. Pengarang menyebut kisah Tun Kudu selain sempat melahirkan tiga orang anak, beliau meninggal dunia semasa ketiga-tiga anak beliau masih kecil. Satu takdir yang mampu menyingkap akal budi dan mata hati kita terhadap perasaan hati nurani Tun Kudu akibat bercerai dengan Sultan Muzaffar Syah dan menerima Tun Ali sebagai suami. Semuanya ini satu pengajaran dan teladan agung Tun Kudu, sebagai anak Melayu yang mengorbankan diri dan hati untuk sebuah bangsa besar.

Pengarang menggambarkan bahawa kehidupan Tun Perak dengan Tun Ali pula berkasih-kasih antara mereka dan tiada perkelahian antara puak Melayu dan Tamil Muslim. Dua tokoh besar ini menjadi adik beradik dan kekal menjawat jawatan penting dalam balai rong raja. Daripada pengorbanan diri mereka, Melaka aman dan terus memperkasakan Melayu dan Islam.

5. PENUTUP

Secara umumnya, peristiwa penceraian Sultan Muzaffar Syah dengan Tun Kudu adalah sebuah enakdot sejarah yang di dalamnya tersirat pelbagai pengajaran dan pemahaman tentang kepentingan diri golongan istana dan pembesar. Dalam kes tersebut, kepentingan bangsa dan negari dinilai terlalu tinggi sehingga menuntut pengorbanan besar bermula di peringkat kepemimpinan tertinggi. Rakyat biasa melihat ia sebuah pergolakan politik tertinggi Melayu yang amat sukar difahami. Kepada mereka kerukunan dan kebahagiaan rumah tangga lebih penting dari segalanya. Namun kepada raja Melaka, keharmonian rakyat dan negeri bermula dari tindakan mereka yang melihat raja dan institusi istana sebagai penaung keharmonian kehidupan rakyat. Pengarang kitab ini memaparkan kisah penceraian itu sebagai suatu takdir Allah yang menuntut pembaca/rakyat mengetahui

mengapa ia berlaku, direnung dengan tilik pandang adakah ia satu keputusan yang bersandarkan sikap kepentingan diri atau ia satu pengorbanan yang tiada tolok bandingnya dalam sejarah pembinaan bangsa. Dalam *Sulalat al Salatin*, jelas antara kepentingan diri dan pengorbanan, di situ terletakannya kebijaksanaan dan bermula sejarah peradaban baru sebuah bangsa besar.

RUJUKAN

A Samad Ahmad, 1979, *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur, DBP.

Abd Rahman Haji Ismail, "Kewibawaan Mutlak Raja dan Ketaatsetiaan Mutlak Rakyat Kepada Raja: Satu Penilaian Semula Tentang Lunas Perhubungan Raja Rakyat Masyarakat Melayu Tradisional Seperti Yang terdapat Di dalam Kitab-kitab Sastera Sejarah Melayu." *Kajian Malaysia*, III, 1 Jun 1985. USM.

Ali Ahmad, 1987, *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*, Kuala Lumpur: DBP.

Haron Daud, 1985, *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*, Kuala Lumpur: DBP.

Muhammad Yusof Hashim, 1989, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: DBP.